

WAKIL RAKYAT MESTI KRITIKAL DALAM PARLIMEN

72

SEWAKTU menjelaskan kekeliruan ramai orang mengenai Akta Sivil (Pindaan 1984) dan kontroversi yang menyelubungi akta itu sebaik saja ia diluluskan oleh Parlimen, dalam rancangan Ehwal Semasa tidak lama dulu, Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah ditanya apakah ahli-ahli Parlimen telah diberi waktu yang secukupnya untuk menghayati kandungan akta baru itu dan kesannya terhadap masyarakat.

Beliau tidak memberi jawapan langsung kepada pertanyaan itu, tetapi membayangkan bahawa rang undang-undang Akta Sivil 1984 itu terpaksa dibahas dalam satu sidang saja kerana kesuntukan masa.

Dan beliau menambah:

Tetapi dalam satu bidang itupun, wakil rakyat, sama ada dari kerajaan atau pembangkang boleh membahaskan dengan secukup-cukupnya. Kalau mereka berminat, tidak ada halangan bagi mereka berbuat demikian.

Dr. Mahathir dalam rancangan televisyen itu telah berjaya menjelaskan tujuan kerajaan membuat pindaan, tetapi yang menjadi persoalan selepas itu ialah peranan ahli-ahli Parlimen itu sendiri.
Dr. Mahathir

merupakan golongan yang dipilih untuk mewakili rakyat melalui pilihannya; ia berkuasa untuk menggubal sebarang undang-undang; menetapkan perjalanan kerajaan; meluluskan peruntukan kewangan yang membolehkan jentera-

demokrasi seperti yang direncanakan oleh para pengasas pemerintahan 'satu orang satu undi' itu telah berakhir.

Peranan

Parlimen kini hanya menjadi satu forum dalam mana wakil-wakil rakyat itu dihimpunkan dan oleh kerana majoriti mereka mewakili parti yang membentuk kerajaan, maka mereka tidak dapat memainkan peranan yang kritikal kerana beberapa sebab. Ada antara mereka yang tidak berani bersuara

beliau untuk membolehkan segala program yang dibentangkan mendapat restu setiap ahli Parlimen tanpa ada bantahan kecuali barangkali dari parti pembangkang. Bagaimanapun tidak semua ketua parti yang berkuasa di dunia ini mengamalkan cara yang serupa. Di setengah-setengah negara misalnya, beliau biasanya memerlukan beberapa orang wakil rakyat yang kritikal dalam partinya sendiri yang akan bertindak sebagai pembangkang dalam parti tentang banyak hal. Ini penting untuk membolehkan ketua kerajaan berkenaan memahami aspek-aspek

Dan dalam kes Akta Sivil (Pindaan 1984) itu, apa yang telah berlaku ialah ahli - ahli Parlimen telah tidak membahaskan akta yang dikira agak kontroversi itu dengan secukupnya. Masyarakat umum hanya mengetahui ramifikasi akta itu ke atas diri mereka melalui perbahasan - perbahasan hangat yang menyusul selepas akta tersebut, yang antara lain menetapkan kadar pampasan maksimum sebanyak \$ 10 ribu bagi mereka yang terkorban dalam kemalangan jalan raya diluluskan di Parlimen.

Bantah

Bantahan - bantahan terhadap akta itu telah dibuat di luar Parlimen oleh kumpulan - kumpulan berkepentingan seperti persatuan pengguna, para peguam. Ahli - ahli Parlimen, kecuali seorang dua, seolah - olah tidak menyedari akibat - akibat meluluskan Akta Sivil Pindaan 1984 itu. Tidak dinafikan bahawa penerangan Datuk Sri

membayangkan bahawa mereka seolah - olah tidak berminat untuk membahaskan rang undang - undang itu 'secukupnya. Apakah ini benar?

Dan soalan yang lebih menarik lagi barangkali ialah kalau perbahasan secukupnya dibuat, dan ada ahli Parlimen menyatakan rasa tidak puas hati atau bertentangan dengan syor yang dikemukakan, apakah kerajaan akan menerima pandangan - pandangan yang bertentangan itu? Kalau tidak, maka apa gunanya dibahaskan?

Persoalan yang ditimbulkan di sini sebenarnya ada kaitan dengan peranan Parlimen dalam pentadbiran negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Masalah ini tidak terbatas pada Malaysia saja. Ramai orang kerap kali mendapat gambaran bahawa dalam demokrasi, Parlimenlah merupakan tunggak kuasa sesebuah negara. Betapa tidak, orang - orang yang menduduki Dewan Tertinggi itu

jentera kerajaan bergerak.

Atas andaian itu, maka lahirlah konsep kerajaan berparlimen; satu konsep yang membayangkan bahawa Parlimenlah yang mengawal perjalanan kerajaan.

Tetapi pada hakikatnya adalah sebaliknya.

Sekumpulan ahli Parlimen yang diberi mandat untuk membentuk kerajaan oleh kerana kedudukan mereka yang dominan dalam parti yang mempunyai majoriti dalam Parlimen, merupakan golongan yang memainkan peranan penting dan berkesan dalam pemerintahan negara. Kumpulan ini yang biasanya diketuai oleh seorang Perdana Menteri dan dibantu oleh para menteri dan instrument - instrument negara yang lain (seperti civil service) secara efektif telah mentadbir negara; mereka cuma dikehendaki berbuat demikian melalui Parlimen.

Nyata bahawa peranan asal Parlimen sebagai badan yang paling berkuasa dalam

kerana mereka ingin menggunakan kedudukan yang memanjat tangga yang lebih tinggi dalam politik, misalnya untuk menjadi setiausaha Parlimen atau malah menteri.

Kedudukan itu banyak ditentukan oleh ketua kerajaan, atau ketua parti. Kalau dalam setiap sidang Parlimen mereka menunjukkan sikap yang bercanggah dengan kerajaan, sudah tentu peluang untuk mereka naik ke atas tidak ada.

Malah pengalaman menunjukkan bahawa peluang untuk mereka mengekalkan kerusi Parlimen juga tidak ada. Fenomena ini sebenarnya bukan saja berlaku di Malaysia, tetapi di negara - negara demokrasi yang mempraktikkan sistem yang sama. Ini begitu ketara sekali di negara yang terlalu banyak memberi kuasa kepada ketua parti untuk menentukan setiap calon wakil rakyat.

Perdana Menteri biasanya memilih calon - calon yang setia pada

yang mungkin tidak terfikir olehnya dalam merangka sesuatu dasar atau menggubal dan meminda sesuatu undang - undang.

Keadaan serupa ini agak ketara di dewan orang ramai di London. Malah dalam kes tertentu, penyokong - penyokong kerajaan pernah 'mengundi menentang program kerajaan dalam Parlimen kerana mereka tidak bersetuju. Ahli - ahli Parlimen di sana boleh melakukan tugas ini dengan berkesan kerana mereka tidak bergantung kepada ketua parti untuk 'menjadi calon kerusi Parlimen.

Itu ditentukan oleh jawatankuasa parti di peringkat bahagian. Itulah sebabnya ada kalanya orang yang tidak begitu digemari oleh ketua parti turut terpilih untuk mewakili parti dalam Parlimen. Barangkali cara ini ada baiknya dalam usaha untuk melahirkan ahli - ahli Parlimen yang berani bersuara untuk menyatakan pendapat - pendapat yang ada kalanya kritikal terhadap kerajaan, tanpa

perlu **bimbang**
menghadapi **hukuman**
yang boleh menjejaskan

kerjaya politiknya. Bagaimanapun jika **terlalu banyak** bangkangan diterima dari para penyokongnya sendiri dalam **dewan** perundangan, ia boleh menyusahkan parti yang berkuasa. Ia juga akan menjejaskan imej ketua parti kerana gagal mengawal seluruh jentera parti.

Akibatnya, Parlimen akan menyusutkan usaha kerajaan untuk mentadbir negara seperti yang kerap kali berlaku di negara-negara yang benar-benar ingin

emilih calon **'ran segala** **estui**

mengamalkan demokrasi **tulen** dalam keadaan masa yang sudah jauh berubah. Jadi, soal yang kerap kali ditimbulkan ialah apakah peranan Parlimen itu sendiri dalam demokrasi.

Tidak ada pendapat yang seragam tentang soal ini. Ada kalangan berpendapat, misalnya Prof. Bernard Crick dalam bukunya *The Reform of Parliament* bahawa Parlimen yang efektif harus membantu bukan menghalang sebuah kerajaan yang baik.

Yang menjadi perbincangan di sini siapakah yang akan menentukan takrif baik itu: Kerajaan atau orang ramai. Dan lebih penting lagi: Baik untuk siapa? Baik untuk golongan yang memerintah dan kumpulan elit yang menyokong mereka atau kebaikan rakyat untuk keseluruhannya?

Kalangan satu lagi pula berpendapat bahawa Parlimen harus memainkan peranan yang penting dalam pentadbiran negara; menentukan perjalanan kerajaan; menolak mana-mana akta yang tidak sesuai untuk kepentingan rakyat pada keseluruhannya.

Dalam dunia khayal, keadaan ini boleh diwujudkan. Tetapi dalam dunia sebenar oleh kerana mereka yang menduduki Parlimen itu sendiri mewakili kepentingan yang berbagai ragam, adalah mustahil untuk Parlimen memainkan tugas itu. Tidak dapat tidak, satu kumpulan yang dominant seperti kabinet harus mengambil tanggungjawab untuk mengemudi sesebuah negara. Tanggungjawab bersama ini tidak akan menimbulkan pemerintahan yang bersifat kuku besi. Ini kerana dalam sesebuah negara yang mengamalkan demokrasi, Parlimen cuma salah satu unsur yang mewakili

73
kepentingan rakyat. Di luar Parlimen terdapat pula kumpulan-kumpulan berkepentingan atau apa yang dipanggil pressure group yang juga bertindak sebagai penerang kerajaan dalam hal-hal yang mereka fikir tidak kena.

Pemimpin

Di negara kita, peranan ini telah telah sejak sekian lama dimainkan oleh Persatuan pengguna seperti CAP, FOMCA dan lain-lain kumpulan seperti ALIRAN, NADI INSAN, ABIM dan sebagainya. Kerajaan pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir nampaknya sensitif pada pandangan yang dikemukakan oleh golongan ini. Tentu mustahil untuk beliau melayan pertubuhan ini satu demi satu, tetapi dengan menggunakan media (dalam kes ini rancangan Ehwat Semasa RTM) beliau telah berjaya menjelaskan pendirian beliau dan kerajaan mengenai Akta Sivil 1984 itu. Meskipun tidak semua, tetapi ada orang yang yakin bahawa pindaan terhadap Akta Sivil, yang telah tidak menarik minat ahli-ahli Parlimen untuk perbincangan itu, adalah dibuat untuk kepentingan orang-orang miskin yang banyak membeli premium insurans, dan

bukannya untuk melindungi industri insurans dari tuntutan yang bukan-bukan bila berlaku sesuatu kemalangan. Alasan ini memang boleh diterima kerana jika bayaran premium terus naik tahun demi tahun, maka yang susah ialah orang ramai juga terutama mereka yang berpendapatan rendah. Kalangan yang berada tetap tidak terjejas kerana mereka mampu untuk menjelaskan tidak kira tinggi mana sekalipun bayaran premium yang dikenakan. Tetapi kontroversi mengenai akta itu, terutama berkait dengan pampasan \$10 ribu itu, yang masih dianggap rendah oleh banyak orang, masih berterusan. Barangkali kerajaan

wajar memikirkan semula soal ini, dan Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai tokoh yang begitu memahami perasaan orang-orang miskin tentu akan mengkaji semula peningkatan kadar pampasan yang lebih wajar. Bagaimanapun di masa depan adalah menjadi harapan agar ahli-ahli Parlimen, terutamanya para penyokong kerajaan sendiri, memainkan peranan yang lebih aktif dalam membahaskan apa juga program yang melibatkan kepentingan rakyat terbanpk. Kerajaan sendiri sudah pasti merasa tersinggung jika mereka tidak menerima kritik dari ahli-ahli Parlimen terutamanya dalam hal-hal yang dianggap kontroversial.